

 UNIVERSITI MALAYA	PUSAT KECEMERLANGAN BAKAT		
	GARIS PANDUAN PROGRAM PEMERKASAAN		
TARIKH SEMAKAN	-	TARIKH KUATKUASA	01.04.2025
NO. SEMAKAN	-	VERSI / TAHUN	1.0 / 2025

1. TUJUAN

Garis panduan ini disediakan untuk pelaksanaan Program Pemerksaan Staf Eksekutif dan Pelaksana Universiti Malaysia.

2. OBJEKTIF PROGRAM

Program ini adalah bertujuan :

- (1) Memperkasakan ilmu dalam kalangan staf Eksekutif dan Pelaksana untuk meningkatkan produktiviti dan kualiti perkhidmatan selaras dengan hasrat Universiti untuk membangunkan organisasi berpengetahuan;
- (2) Memberi peluang kepada staf Eksekutif dan Pelaksana untuk mendapatkan kelayakan akademik yang lebih tinggi melalui program *degree stacking*; dan
- (3) Menggalakkan pembelajaran berterusan bagi peningkatan kompetensi, kemahiran dan pengetahuan terkini dalam melaksanakan tugas.

3. TANGGUNGJAWAB

- (1) Staf Eksekutif dan Pelaksana yang mengikuti program:

- (a) Memberi komitmen dan mengikuti program sepenuhnya;
- (b) Mematuhi arahan pendaftaran kursus mengikut ketetapan Universiti;
- (c) Mematuhi kaedah dan peraturan bagi kursus yang didaftarkan;
- (d) Menghadiri sepenuhnya kuliah dan tutorial mengikut jadual yang telah ditetapkan;
- (e) Menyempurnakan penilaian alternatif yang ditetapkan oleh Universiti; dan
- (f) Mengemukakan jadual kuliah kepada Ketua PTj untuk makluman dan rekod.

- (2) Ketua PTj bagi staf Eksekutif dan Pelaksana yang mengikuti program:

- (a) Meneliti dan memperakukan pemilihan kursus Ijazah Dasar / Ijazah Tinggi yang bersesuaian dengan skop bidang tugas bagi mengurangkan jurang kompetensi staf;
- (b) Memberi pelepasan tugas kepada staf untuk menghadiri kuliah dan tutorial mengikut jadual yang telah ditetapkan. Untuk tujuan tersebut,

Ketua PTj boleh memberi pelepasan kes khas bagi *clock-in / clock-out* staf berkenaan; dan

- (c) Memberi penilaian keberkesanan program kepada staf melalui penilaian alternatif yang ditetapkan oleh Universiti.

4. KURSUS YANG DITAWARKAN

- (1) Kursus yang ditawarkan adalah di peringkat Ijazah Dasar dan Ijazah Tinggi tertakluk kepada penawaran kursus oleh PTj bagi setiap semester dan sesi akademik.
- (2) Setiap Ketua PTj Akademik dikehendaki meneliti dan memperakukan penawaran kursus sedia ada yang bersesuaian untuk program pemerkasaan. Kursus akan diklusterkan mengikut kategori yang diluluskan oleh Pihak Berkuasa Melulus dari semasa ke semasa.

5. MAKLUMAT UMUM

- (1) Staf yang mengikuti Program Pemerkasaan dikehendaki memilih satu (1) kursus yang ditawarkan pada semester berkenaan berdasarkan perakuan Ketua PTj.
- (2) Kursus yang dipilih perlu bersesuaian dengan tugas dan membantu meningkatkan kompetensi dalam pelaksanaan tugas.
- (3) Pertukaran kursus dan penarikan diri selepas pendaftaran adalah TIDAK DIBENARKAN kecuali atas justifikasi kukuh.
- (4) Sebarang perubahan terhadap pelaksanaan program ini adalah tertakluk kepada kelulusan Universiti dari semasa ke semasa.

Disediakan oleh:

Pusat Kecemerlangan Bakat
Portfolio Pendaftar